

31/03/2005

Kos industri hiliran gas, minyak di Sabah mahal

Oleh Mohd Azlan Jaafar; Amirullah Andi Nur; Suffian A Bakar

PETRONAS akan membuat kajian terperinci sebelum memutuskan untuk melabur dalam projek aktiviti hiliran petroleum, gas atau petrokimia di Sabah.

Naib Presiden Pembangunan dan Perancangan Ekonomi Petronas, Nasarudin Md Idris, berkata faktor seperti permintaan domestik, kos pembangunan dan jumlah pengeluaran perlu diambil kira sebelum memulakan sebarang projek.

"Tidak wajar bagi Petronas melabur di tempat permintaan tempatannya tidak menggalakkan.

"Jika hendak menumpukan kepada pasaran eksport semata-mata, kita perlu ingat kos fret tinggi di Sabah berikutan kedudukannya jauh dari laluan perkapalan antarabangsa," katanya pada sesi dialog pasca Persidangan Persidangan Ketua Eksekutif Antarabangsa 2005 (ICC2005) di Kota Kinabalu, semalam.

Beliau diminta mengulas kenyataan Penasihat Petronas, Tun Dr Mahathir Mohamed, yang menyatakan sudah tiba masanya syarikat minyak nasional itu meninjau kemungkinan memulakan aktiviti hiliran di Sabah.

Ketika sesi soal jawab, Nasarudin berkata, kos pembangunan perlu diambil kira kerana harga tanah di Sabah lebih mahal berbanding negeri lain.

"Difahamkan Singapura, negara yang mempunyai tanah terhad menawarkan tanah pada harga rendah semata-mata mahukan loji penapisan dibina di negaranya.

"Malah ada khabar angin mengatakan tanah diberikan percuma," katanya.

Nasarudin berkata, faktor keupayaan pengeluaran juga perlu diambil kira.

"Sebagai contoh jika mahu mendirikan loji memproses gas asli cecair (LNG) di Sabah, pengeluarannya perlulah besar.

"Bagi membolehkan loji memproses minyak atau LNG dibina di Sabah, skala ekonomi perlu diambil kira," katanya sambil menambah Petronas sudah melabur RM18.5 bilion di negeri itu sejak 1974.

Sabah menghasilkan 1.4 bilion bbl minyak mentah dan minyak kondensat sehingga 1 Januari 2004, Sarawak 1.4 bilion bbl, manakala Semenanjung dua bilion bbl.

Beliau berkata, rizab minyak Malaysia berjumlah 4.8 bilion bbl pada 1 Januari 2004, Sabah dan Sarawak masing-masing menyumbang 1.4 bilion bbl.

Simpanan minyak negara pada 1994 ialah 4.3 bilion bbl, Sabah 0.6 bilion dan Sarawak 1.2 bilion bbl.

Pada 1984 simpanan minyak negara ialah pada 4.2 bilion bbl, Sabah 0.5 bilion bbl dan Sarawak 1.9 bilion bbl.

(END) Source : Berita Harian